



Sumber Ta'lil Ahkam Mengikut Praktis Ibnu Qudamah al-Maqdisi

The Source of Ta'lil Ahkam According to the Practices of Ibnu Qudamah al-Maqdisi

**Fiqh
&
Usul**

ROSLI BIN MOKHTAR (Corresponding Author)

MOHD ISA BIN MOHD DENI

Jabatan Syariah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Bangi Selangor

rosli@kuis.edu.my, mohdisa@kuis.edu.my

102

Submitted: 05 February 2018

Revised: 27 March 2018

Accepted: 9 April 2018

E-Published: 10 April 2018

DALILA HADIFAH BINTI TALIB

lilyag.my@gmail.com

ABSTRAK

Ta'lil Ahkam adalah satu unsur penting yang perlu diberi perhatian dalam setiap ijtihad. Ini kerana para mujtahid berusaha untuk mengeluarkan hukum selari dengan roh Islam yang menjaga kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat. Penumpuan terhadap *Ta'lil Ahkam* akan menjadikan hukum yang diijtihadkan oleh seseorang ulamak itu lebih hampir kepada kebenaran yang bersifat praktikal. Menyedari hakikat ini ramai ulamak reformis yang memberi penekanan kepada *Ta'lil Ahkam* dalam ijtihad mereka. Antara ulamak yang terkedepan dalam memberi ruang yang luas kepada *Ta'lil Ahkam* ialah Ibnu Qudamah al-Maqdisi. Walaupun beliau tidak mengupas secara panjang lebar isu *Ta'lil Ahkam* dari sudut teori tetapi kitabnya *al-Mughni* sarat dengan *Ta'lil Ahkam* secara praktikal. Hampir setiap helaian kitab *al-Mughni* mengandungi *Ta'lil Ahkam* yang menjadikan Ibnu Qudamah sebagai ulamak yang sangat terkedepan di dalam *Ta'lil Ahkam*. Ibnu Qudamah dan kitab-Nya *al-Mughni* menjadi bahan kajian penting memandangkan kurun ketujuh hijrah menyaksikan arus *taqlid* yang mula menular dalam kebanyakan penulisan ulamak ketika itu. Ibnu Qudamah kelihatan mampu untuk mengekalkan sifatnya sebagai ulamak mujtahid dengan menghubungkan pilihan-pilihan hukum samada dari ijtihad atau *tarjih* beliau dengan bersadarkan kepada *Ta'lil Ahkam*. Kajian ini hanya menumpukan aspek rujukan *Ta'lil Ahkam* dari Ibnu Qudamah dalam kitabnya *al-Mughni*. Kajian ini mendapati bahawa Ibnu Qudamah menjadikan al-Quran, hadis, ijma', *qaul sahabi*, *qaul tabien* dan pandangan ulamak *mujtahidin* sebagai sandaran beliau dalam *Ta'lil Ahkam*. Kajian lanjutan terhadap *Ta'lil Ahkam* dari kitab *al-Mughni* sememangnya sangat penting dan akan memberikan manfaat yang besar kepada institusi yang melibatkan ijtihad.

Kata kunci: *Ta'lil Ahkam, Maqasid Syariah, Ibnu Qudamah, Kitab al-Mughni*



ABSTRACT

Ta'ilil Ahkam is an essential element to be considered in exercising of *ijtihad*. This is supported by the fact that mujtahids seek to issue the rulings in line with the spirit of Islam for the sake of public interest (*maslahah*) in this world and the hereafter. The application of *Ta'ilil Ahkam* in exercising of *ijtihad* will render the rulings made by a scholar closer to the practical truth. Realising this fact, many reformist scholars place great emphasise on *Ta'ilil Ahkam* in exercising of *ijtihad*. Among the distinguished scholar who extensively adopts the application of *Ta'ilil Ahkam* is Ibn Qudamah al-Maqdisi. Although he does not elaborate in details on the issue of *Ta'ilil Ahkam* from the theoretical point of view, his book *al-Mughni* discusses in details the practical aspect of *Ta'ilil Ahkam*. Almost every page of *al-Mughni* contains discussion on *Ta'ilil Ahkam* which makes Ibn Qudamah a distinguished scholar in *Ta'ilil Ahkam*. Ibn Qudamah and *al-Mughni* have become important study materials during the seventh century of Hijrah that witnesses the spread of *taqlid* movement in most of the scholarly writings at that time. Ibn Qudamah seems to be consistent in his role as a mujtahid by linking legal options either from his *ijtihad* or *tarjih* by relying on *Ta'ilil Ahkam*. This study focuses on the aspect of reference on *Ta'ilil Ahkam* by Ibn Qudamah in his book *al-Mughni*. The study found that Ibn Qudamah considers the Qur'an, hadith, scholarly consensus (*ijma'*), *qaul sahabi*, *qaul tabien* and the views of the *mujtahidin* as the sources of law in *Ta'ilil Ahkam*. Further research on *Ta'ilil Ahkam* in *al-Mughni* is needed for the benefit of *ijtihad*-related institutions.

Keywords: *Ta'ilil Ahkam*, *Maqasid Syariah*, Ibnu Qudamah, *Kitab al-Mughni*

PENGENALAN

Perkataan *Ta'ilil* berasal daripada kalimah *علل* dan kata nama bagi perbuatan ini ialah *علة*. Perkataan *illah* *العلة* merupakan perkataan yang mempunyai maksud yang berbagai dari sudut bahasa, sementara takrif *illah* dalam istilah syarak juga mempunyai berbagai sisi pandangan oleh para ulamak.

Di dalam kitab *Lisan al-Arab* Ibnu Manzur menyatakan bahawa perkataan *illah* bermaksud kata nama bagi sesuatu yang berubah jika adanya sesuatu. Mengikut pandangan beliau maksud ini berasal dari perkataan *illah* yang pada asalnya bermaksud penyakit. Ini kerana tubuh orang yang sakit akan mengalami perubahan apabila seseorang itu ditimpa penyakit atau kesakitan (Ibnu al-Manzur, 2010).

Bagi al-Razi pula, selain daripada maksud penyakit, perkataan *illah* juga bermaksud sesuatu yang menyebabkan seseorang terleka dengan adanya perkara itu. Ini kerana penyakit akan membuatkan manusia lupa kepada tugas dan aktiviti yang lain sebaliknya terpaksa memberi tumpuan kepada kesakitan yang dialami olehnya (al-Razi, 1999).

Selain itu al-Razi juga menyatakan bahawa perkataan *illah* juga bermaksud perubahan. Ini kerana perubahan akan berlaku kepada orang yang ditimpa musibah penyakit atau kesakitan. Bahkan ia juga bermaksud pengulangan dan kebiasaan. Ini kerana orang Arab menyatakan عللت الناقاة iaitu apabila mereka mengambil susunya pagi dan petang (al-Zamakhshari, 1998).

Ibnu Faris pula menyatakan didalam kitabnya *Mu'jamu Maqayis al-Lughah* bahawa *illah* mempunyai tiga maksud. Pertama membawa maksud pengulangan, kedua halangan dan makna ketiga ialah lemah dalam sesuatu (Ibnu Faris 1979).

Takrif Imam al-Ghazali

Imam al-Ghazali cuba untuk mentakrifkan *illah* dengan takrifan yang berbeza bagi mazhab Muktazilah dan beliau berusaha menjelaskan bahawa tidak ada suatu yang boleh memberi kesan dengan sendirinya kecuali dengan izin Allah. Takrif ini kelihatan terkesan dengan pertikaian dengan Muktazilah sekitar konsep perbuatan yang dinisbahkan kepada Allah yang dikenali sebagai perbahasan *al-Husnu wa al-Qubhu*.

العلل الشرعية أمارات

Maksudnya: *Illah* syarak ialah tanda (kepada adanya hukum) (al-Ghazali, 1971). Selain itu Imam al-Ghazali juga menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan *illah* ialah *manat hukum* iaitu sesuatu yang telah dijadikan oleh syarak sebagai alamat kepada adanya sesuatu hukum (al-Ghazali, 1993).

Takrif Syatibi

Imam al-Syatibi pula berpandangan bahawa *illah* ialah hikmah dan masalahah yang sangat berhubungkait dengan sesuatu hukum yang ada. Dalam takrifan beliau al-Syatibi telah pergi lebih jauh dengan tidak menjadikan neraca serta syarat *illah* yang diletakkan oleh para ulamak sebelumnya sebagai satu syarat kepada *illah*. Bagi beliau *illah* ialah hikmah dan objektif serta masalahah kepada hukum. Dengan itu beliau telah mentakrifkan *illah* dengan kata-katanya:

الحكم والمصالح التي تعلقت لها الأوامر والمفاسد التي تعلقت بها النواهي، فالمشقة علة في إباحة القصر والفطر في السفر والسفر هو السبب الموضوع سببا للإباحة.

Maksudnya: *Illah* ialah hikmah dan masalahah yang bergantung dengannya segala suruhan, keharusan dan keburukan yang bergantung kepadanya segala larangan, kesusahan merupakan *illah* dalam mengharuskan qasar solat serta berbuka puasa ketika dalam musafir sementara bermusafir menjadi sebab yang menyebabkan keharusan qasar dan berbuka (al-Syatibi, 2008).

Dengan pentakrifan yang diberikan ini al-Syatibi telah meletakkan *masalahah* dan mafsadah sebagai *illah* yang menjadi kayu ukur kepada ada atau tiadanya sesuatu hukum. Beliau juga tidak meletakkan syarat kepada *masalahah* dan *masyaqqah* yang

mahu dianggap *illah* tersebut walaupun para ulamak lain telah meletakkan beberapa syarat kepada *masalah* dan *masyaqqah* untuk dikategorikan sebagai *illah*.

Takrif yang diberikan oleh al-Syatibi ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang lari dari pemikiran ulamak silam ini kerana Ibnu Qudamah sendiri sewaktu menggarap makna *ta'ilil* telah mengisyaratkan kepada pandangan yang hampir sama. Beliau mengatakan bahawa maksud *illah* dari sudut syarak ialah alamat hukum dan boleh sahaja bermaksud hikmah-hikmah pensyariatan sebagaimana ia juga boleh dikatakan sebagai sifat yang menggambarkan atau sifat semata-mata (Ibnu Qudamah, 2002).

Takrif yang diberikan oleh al-Syatibi bagaimanapun lebih lengkap dan jelas bagi menunjukkan kepada bidang kajian *Maqasid Syariah* yang menjurus ke arah menjelaskan objektif dan tujuan syarak dalam mensyariatkan hukum. Sementara takrif para ulamak sebelum al-Syatibi lebih kepada menjelaskan keperluan melakukan qias, dengan *illah* yang dimaksudkan adalah bersamaan dengan maksud sebab hukum yang zahir.

Al-Syalabi di dalam bukunya *Ta'ilil al-Ahkam* telah cuba menjelaskan hakikat percanggahan yang berlaku dalam kalangan ulamak dalam mentakrifkan perkataan *illah*. Menurut beliau percanggahan takrif yang berlaku dalam kalangan ulamak itu semata-mata kerana berlakunya perbezaan pandangan dalam hakikat hukum syarak. Sebahagian mereka meletakkan maksud *illah* ialah sesuatu yang menjadi punca kepada adanya hukum. Namun demikian istilah ini tidak dipersetujui oleh sebahagian yang lain kerana mungkin membawa ada perkara yang boleh memberi kesan dan kuasa selain dari Allah. Namun kekeliruan ini dianggap oleh beliau sebagai bersifat sampingan dan tidak sebenar kerana bagi orang yang mentakrifkan *illah* sebagai *baith* الباعث (pembangkit kepada hukum) tetap menyatakan bahawa ianya tidak keluar dari kefahaman yang benar iaitu segala perkara adalah dibawah kehendak dan kuasa Allah semata-mata.

Dengan perbincangan yang telah dinyatakan ini jelas sekali menunjukkan bahawa *illah* merupakan perkataan yang telah digunakan dalam dua bidang yang berbeza pertama dalam amalan qias yang mencari sebab kepada hukum asal untuk dijadikan bahan dan landasan kepada hukum *furu'*. Dalam masa yang sama *illah* juga digunakan sebagai istilah yang merujuk kepada hikmah dan rahsia kepada pensyariatan sesuatu hukum.

Dengan kefahaman seperti ini membuatkan al-Raisuni telah memilih untuk menggunakan perkataan *illah* sebagai istilah yang menunjukkan kepada hikmah, rahsia dan objekif kepada hukum dan syariat. Pada pandangan beliau takrif yang dinyatakan oleh al-Syatibi ini adalah lebih sesuai digunakan oleh mereka yang berkecimpung dalam ilmu *Maqasid Syariah* (al-Raisuni, 1999).

TA'LIL AHKAM DAN PERANANNYA DALAM PERUBAHAN HUKUM

Para ulamak Islam semenjak zaman silam sungguhpun berbeza pandangan dan mazhab telah menanggapi bahawa sebahagian besar hukum syarak dapat difahami hikmah dan objektif pensyariatannya. Hikmah, rahsia pensyariatan dan *maqasid* ini dapat difahami oleh mereka sama ada melalui nas al-Quran atau hadis, atau juga dengan ijtihad daripada mereka sendiri. Meskipun terdapat sebahagian ulamak menolak fenomena ini, namun kewujudan sebahagian kecil ulamak yang berpandangan begini tidak menjadi hujah kepada satu hakikat ilmiah yang jelas diterima oleh hampir semua ulamak dahulu dan kini.

Penjagaan *masalahah* adalah roh bagi ajaran Islam yang murni ini. Dengan itu nas syariat telah bertindak menta'lil hukum hukum-hukum yang dikemukakan kepada manusia bagi menerangkan bahawa hukum-hukum syarak berlegar di sekitar *illah*nya. Dengan itu, pada kebiasaannya perubahan terhadap hukum syarak berlaku apabila berlakunya perubahan pada *illah*. Sebagaimana hukum-hukum yang terbina berdasarkan *masalahah* tertentu akan tetap berdiri tanpa sebarang perubahan selagi mana kemaslahatan itu wujud, namun demikian apabila *masalahah* yang menjadi kiblat kepada hukum tersebut telah beredar dan bertukar maka hukum itu juga mestilah beredar bersama kemaslahatan itu.

Ibnu Qayim al-Jauziyah berkata: Sesungguhnya *syariah* terbina di atas asas hikmah dan kemaslahatan bagi hamba Allah sama ada kemaslahatan di dunia atau kemaslahatan di akhirat. Setiap permasalahan yang berubah daripada keadilan kepada kezaliman daripada rahmat kepada sebaliknya dan daripada *masalahah* kepada mafsadah serta daripada hikmah kepada sia-sia maka ia adalah bukan daripada *syariah* walaupun cuba dianggap sebagai *syariah* dengan menggunakan *takwilan* (Ibnu Qayyim, 1991).

Ibnu Qudamah sebagaimana para ulamak lain yang berwibawa tidak melakukan *ta'lil* hukum berdasarkan hawa nafsu atau hanya berlandaskan kepada andaian, sebaliknya beliau mempunyai metod yang kuat bagi mendasari setiap pandangan dan kupasan terhadap *illah* sesuatu hukum.

Ibnu Qudamah mendasari *Ta'lil Ahkam* dengan berpegang kepada cara al-Quran yang tidak hanya menyebut hukum secara berasingan daripada menjelaskan *illah* dan hikmah terhadap hukum, atas dasar ini kitab Ibnu Qudamah dipenuhi dengan penerangan terhadap hikmah dan ilah kepada hukum yang sedang dibincangkan. Bahkan lebih dari itu beliau sering kali membina hukum berdasarkan kepada *illah* yang telah diterima dan disimpulkan.

Di sepanjang kitab *al-Mughni*, didapati Ibnu Qudamah telah berpegang erat kepada sumber-sumber berwibawa dalam mensabitkan *illah*, beliau telah berpegang dengan al-Quran, Sunnah, *ijma'*, kata-kata sahabat, tabiin serta kata-kata para ulamak *mujtahidin* (Ibnu Qudamah, 1997).

Ta'liil Menggunakan Al-Quran

Al-Quran adalah asas kepada *syariah* Islam yang mulia. Kitab suci al-Quran tidak mengandungi sebarang kesalahan dan kebatilan. Kalam Allah yang agung ini telah diturunkan untuk menjadi asas panduan manusia di dunia. Oleh itu para ulamak sentiasa menjadikan al-Quran sebagai panduan dan petunjuk dalam setiap permasalahan. Mensabitkan *illah* dengan merujuk kepada al-Quran adalah sangat jelas merupakan pendirian Ibnu Qudamah yang konsisten. Ini kerana di sepanjang kitab *al-Mughni*, Ibnu Qudamah tidak mengabaikan untuk menjadikan al-Quran sebagai rujukan bahkan menjelaskan *illah* yang diperlukan berdasarkan hujahan dari al-Quran.

Sewaktu membincangkan hukum jual beli selepas azan pada hari Jumaat, Ibnu Qudamah menegaskan hukum wajib bagi *mukhatab* untuk bersegera ke arah menunaikan solat. Adapun wanita, kanak-kanak dan orang musafir maka keadaan ini tidak berlaku kepada mereka. Bagi menyokong pandangan ini beliau menta'liil dengan kata-kata:

Kerana pengharaman jual-beli berdasarkan *illah* mengganggu dari melakukan solat Jumaat sedangkan kewajipan Jumaat tidak ada kepada mereka, jika sekiranya salah seorang dari pada mereka itu termasuk daripada kalangan *mukhatab* maka berkemungkinan hukum-Nya adalah makruh atau haram kerana terdapat unsur mengajak kepada perkara dosa sebagaimana firman Allah SWT:

Janganlah kamu bertolongan dalam melakukan dosa dan permusuhan.
(Al-Maidah, 5 :2)

Ibnu Qudamah telah menyatakan pendiriannya menolak kemungkinan *illah* itu melampaui hukum jual beli kepada akad-akad yang lain dengan hujah akad-akad lain adalah jarang berlaku pada masa demikian dan tidak membawa kepada penangguhan atau menghalang daripada mengerjakan solat. (Ibnu Qudamah, 1997)

Sewaktu menyatakan pandangan beliau dalam hukum menggunakan saksi dalam jual beli, Ibnu Qudamah berhujah dengan ayat al-quran yang bermaksud:

Dan ambillah saksi dalam berjual-beli.
(Al-Baqarah, 2:282)

Berdasarkan ayat al-Quran itu Ibnu Qudamah telah menyatakan *illah* bagi suruhan tersebut dengan kata beliau: Tahap suruhan yang paling rendah ialah sunat. Seterusnya Ibnu Qudamah memberikan *ta'liil* hukum tersebut sebagai bertujuan mengelakkan pertikaian dan menjauhkan perbalahan. (Ibnu Qudamah 1997:4:194). Hukum sunat dipilih daripada suruhan ayat al-Quran tersebut bersandarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan tidak Allah jadikan dalam perkara agama suatu yang menyusahkan.
(Al-Haj, 22:78)

Berdasarkan ayat al-Quran yang telah dinyatakan di atas Ibnu Qudamah telah menyimpulkan hukum keperluan saksi dalam jual beli dan hukum itu hanya berada pada kadar sunat berdasarkan ayat al-quran yang tidak mahukan kesusahan kepada manusia. Hasil kesimpulan daripada dua ayat al-Quran di atas Ibnu Qudamah menyimpulkan: Kerana aktiviti jual-beli dilakukan secara kerap dalam kalangan manusia di pasar-pasar dan lain-lain tempat, jika sekiranya saksi diwajibkan dalam berjual-beli sudah tentu ianya akan membawa kesusahan yang ketara dalam kehidupan manusia. Sedangkan ayat al-Quran tersebut mengisyaratkan kepada penjagaan harta manusia (Ibnu Qudamah 1997:4:195).

Ta'lim Menggunakan Hadis Nabi SAW

Para ulamak Islam secara ijmak telah menerima Sunnah sebagai dalil yang kedua dalam agama. Kesepakatan ini timbul daripada kefahaman para ulamak tentang gesaan firman Allah SWT dalam al-Quran yang bermaksud:

Apa sahaja yang dibawa oleh Rasul maka terimalah dan apa sahaja yang dilarang olehNya maka tinggalkanlah.

(Al-Hashr, 59:7)

Dalam menerangkan ayat di atas Ibnu Qudamah menyatakan: Kata-kata nabi SAW adalah hujah berdasarkan dalil yang menunjukkan ianya mukjizat yang benar dan tidak dapat ditandingi selain adanya gesaan mentaatinya serta larangan dari melanggarnya (Ibnu Qudamah, 2002 :1:273) Takrif Sunnah: Apa yang keluar daripada Rasulullah SAW samada perkataan, perbuatan atau *taqriri*.

Para ulamak usul telah mengkaji kedudukan dan peranan Sunnah Nabi terhadap al-Quran bagi menjelaskan kedudukan yang lebih tepat dan peranan yang perlu diberikan kepada Sunnah Nabi SAW. Sehubungan dengan itu peranan Sunnah telah dibahagikan kepada tiga peranan yang penting iaitu:

- i. Sunnah menegaskan hukum yang telah dibawa oleh al-Quran dan pada ketika itu hukum yang dinyatakan telah *sabit* melalui dua sumber iaitu al-Quran dan Sunnah.
- ii. Sunnah menjelaskan dan memperincikan hukum-hukum yang dinyatakan secara umum oleh al-Quran Berkemungkinan juga Sunnah menjelaskan hukum khusus yang dibawa oleh al-Quran menjadikannya umum.
- iii. Sunnah menambah hukum yang tidak disebut oleh al-Quran dengan yang demikian maka hukum tersebut adalah *sabit* dengan Sunnah sahaja.

Ketiga-tiga pembahagian ini sebenarnya telah disimpulkan daripada kata-kata Imam al-Syafie dalam kitabnya al-Risalah: Tidak diketahui sebarang perbezaan pandangan dalam kalangan ahli ilmu bahawa Sunnah Nabi SAW terbahagi kepada tiga bahagian. Pertama, apa yang terkandung dari wahyu yang diturunkan oleh Allah dalam al-Quran maka Nabi SAW menjalankannya sebagaimana ia diturunkan. Kedua apa yang Allah telah turunkan secara umum lalu Sunnah menerangkan maksud yang dikehendaki oleh al-Quran. Ketiga Sunnah yang dikeluarkan oleh Rasulullah SAW sedangkan ianya tidak terdapat dalam al-Quran (al-Syafie, 1999).

Ta'ilil Berdasarkan Ijma' Ulamak

Sumber ketiga yang menjadi pegangan Ibnu Qudamah ialah dengan merujuk kepada ijmak ulamak. Ibnu Qudamah telah menegaskan bahawa tidak ada perbezaan pandangan ulamak dalam persoalan wajibnya mengembalikan harta kepada orang yang dihalang melakukan *tasarruf* sebelum ini disebabkan oleh kehilangan akal atau belum baligh. Ibnu Qudamah telah berhujah dengan merujuk kepada tulisan Ibnu al-Munzir yang merakamkan dakwaan ijmak tersebut. Setelah itu beliau membawa nas al-Quran dan menambah dengan katanya: Ini kerana halangan yang diletakkan kepada mereka disebabkan oleh lemahnya mereka dalam mengendalikan harta mereka sendiri demi mencapai kemaslahatan yang sepatutnya. Berdasarkan keadaan ini keupayaan mereka untuk mentadbir harta mereka menyebabkan halangan yang dikenakan terhadap mereka perlu diangkat (Ibnu Qudamah, 1997).

Banyak contoh-contoh yang dapat diberikan lagi berkaitan penggunaan Ibnu Qudamah hasil ijmak ulamak sebagai satu titik tolak bagi melakukan *ta'ilil* kepada hukum atau keputusan yang dibuat, antaranya ialah dalam mensabitkan *al-Qada'* sebagai salah satu dari kewajipan yang terpikul di atas bahu muslim. Setelah menakalkan bahawa ijmak ulamak dalam kewajipan *al-Qada'* beliau berkomentar: masyarakat mestilah memiliki hakim supaya hak-hak orang ramai tidak diabaikan. Padanya terdapat kelebihan yang besar bagi mereka yang mampu memikul tugas tersebut, untuk itu Allah menyediakan balasan yang besar walaupun berlaku padanya kesilapan dan Allah menggugurkan dosa bagi yang tersilap, juga kerana padanya ada pelaksanaan amar makruf, membantu orang yang dizalimi menyampaikan amanah kepada orang yang berhak, membalas perbuatan zalim, memperelokkan orang yang berkelahi dan yang demikian itu sebagai salah satu daripada pintu-pintu kebaikan, dengan itu Nabi SAW telah mempraktikkannya begitu juga nabi-nabi terdahulu, mereka telah mengadili umat-umat mereka (Ibnu Qudamah 1997).

Ta'ilil Berdasarkan Kata-Kata Sahabat

Jika sekiranya perbincangan mengenai asas-asas hukum syarak telah berakhir dengan kewafatan nabi Muhammad SAW, akan tetapi perbincangan tentang perkara-perkara cabang tidak berakhir setakat itu sahaja. Ini kerana hukum-hukum *furu'* yang bersifat semasa dan setempat terus menerus berlangsung dan sentiasa dipolemikkan. Oleh kerana itulah para sahabat sendiri terus menerus mengembangkan permasalahan usul yang ditinggalkan oleh Nabi SAW dan mengaplikasikannya kepada permasalahan baru yang tidak terdapat sebelum ini di zaman Nabi SAW. Ijtihad para sahabat itu telah

dijadikan sebagai rujukan penting para ulamak dengan sebahagiannya menganggapnya sebagai salah satu hujah syarak selain daripada al Quran, Sunnah ijmak dan qias. Namun sebahagian pula menganggapnya sebagai salah satu rujukan yang tidak mencapai darjat hujah.

Ketika membincangkan tentang hukum memberi hutang roti, Ibnu Qudamah berhujah dengan *athar* yang diambil daripada Muaz bin Jabal ketika beliau ditanya berkaitan dengan isu tersebut. Muaz mengatakan : Perbuatan ini termasuk dalam melaksanakan tuntutan berakhlak mulia maka ambillah yang besar kembalikan yang kecil atau ambillah yang kecil dan kembalikan yang besar, sebaik kamu adalah yang terbaik balasannya. Muaz menyatakan dia mendengar kata-kata itu dari Nabi SAW. Selepas menyatakan pendirian Muaz itu Ibnu Qudamah berkomentar: Perkara ini diharuskan kerana adanya keperluan dan terdapatnya kepayahan dalam mengukurnya dengan timbangan juga kerana muamalat seperti ini terdapat unsur berlebih kurang lalu ia menjadi harus sebagaimana harusnya memasuki *hammam* tanpa menentukan kadar sewa berdasarkan kepada penggunaan air (Ibnu Qudamah, 1997).

Ta'ilil Dengan pandangan Tabiin

Ibnu Qudamah telah menjadikan kata-kata tabiin sebagai satu rujukan penting dalam *menta'ilil* hukum ini kerana beliau sangat mementingkan sumber menurut hierarkinya. Setelah meriwayatkan ayat-ayat al-Quran dan hadis beliau akan mengambil kata-kata sahabat, jika perbincangan dalam bab berkenaan tidak memiliki sumber-sumber tersebut beliau akan menggunakan kata-kata tabiin sebagai sumber *ta'ilil* beliau. Ketika membincangkan tentang hukum perempuan yang kehilangan suami disebabkan tidak dapat dikesan, Ibnu Qudamah menyokong pandangan Qatadah yang merupakan seorang tabiin dan menegaskan bahawa membahagikan harta suami yang hilang adalah satu keperluan kepada wanita, beliau berkomentar: melewati pembahagian harta akan memudaratkan waris serta membawa kepada memusnahkan harta atau nilainya akan berkurangan dan kemudatan juga berlaku dengan kelewatan isteri untuk memiliki pasangan yang lain (Ibnu Qudamah, 1997).

Dalam perbincangan menghukum orang yang sedang mabuk, Ibnu Qudamah menyokong pandangan tabiin seperti Umar bin Abdul Aziz, al-Sya'bi dan al-Thauri dan kemudiannya beliau mula menyatakan *ta'ilil* bagi menguatkan hujah bahawa hukuman mestilah dilakukan ketika pesalah telah sedar dari mabuk. Kata beliau: Ini kerana *maqasid* hukuman adalah menakutkan pesalah dengan menyakitkannya, keadaan itu tidak akan berlaku secara sempurna kecuali ketika dia sedar, oleh itu mestilah dilewatkan hukuman sehingga dia sedar dari mabuk (Ibnu Qudamah, 1997).

Ta'ilil Berdasarkan Pandangan Ulamak-Ulamak Mujtahidin

Ibnu Qudamah tidak ketinggalan merujuk kepada para ulamak mujtahidin dalam melakukan *ta'ilil* dan beliau telah mengambil dari sumber yang berbagai tanpa terikat dengan mazhab Hambali semata-mata. Ketika mengupas persoalan hukum menghadiri walimah yang mengandungi kemungkaran, Ibnu Qudamah

berpandangan kewajiban menghadirinya jika berupaya untuk mengubah kemungkaran yang ada dan tidak dibenarkan hadir jika tidak mampu berbuat demikian. *Ta'ilil* beliau ialah menghadiri dengan kemampuan mengubah adalah perlu kerana ia akan membawa kepada tercapainya dua tujuan yang mulia. Dalam persoalan ini beliau menyandarkan pandangan beliau kepada Imam Syafie dengan katanya: Begini jugalah pendapat Imam Syafie (Ibnu Qudamah, 1997).

Ketika membincangkan isu hadiah yang diberikan kepada aktiviti lumba Ibnu Qudamah menyatakan: Abu Hanifah dan Syafie berpendapat ianya harus kerana padanya ada kemaslahatan dan dapat menggalakkan kepada jihad dan memberi manfaat kepada umat Islam. Berdasarkan *ta'ilil* itu beliau sendiri menyokong dengan berkata: Ia adalah memberikan harta kepada sesuatu yang mempunyai masalah dan menjadi amalan mendekatkan diri kepada Allah maka ia adalah harus seperti jika dia membeli dengan hartanya itu kuda dan peralatan perang (Ibnu Qudamah, 1997).

KESIMPULAN

Pengetahuan terhadap *Ta'ilil Ahkam* dan memperincikan sumber *Ta'ilil Ahkam* adalah sebahagian daripada keperluan dalam memperkasakan *malakah* ijtihad yang sangat diperlukan dalam mendepani cabaran semasa. Dengan itu kajian terhadap sumber *Ta'ilil Ahkam* Ibnu Qudamah dapat menjawab kekeliruan sebahagian pihak yang memandang serong terhadap ijtihad yang berasaskan kepada masalah. Pengamalan Ibnu Qudamah ini diharap dapat memberikan ruang yang lebih jelas terhadap masa depan ijtihad khususnya dalam isu-isu yang melibatkan perkara baru dan mencabar.

RUJUKAN

- Al-Ghazali, Muhammad (1971). *Syifa al-Ghalil*, Baghdad: Madrasah al-Irsyad.
- Al-Ghazali, Muhammad (1993). *Al-Mustasfa*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Ibn Manzur, Muhammad (2010). *Lisan al-Arab*, Beirut: Dar Sadir.
- Ibnu Faris, Ahmad (1989). *Maqayis l-Lughah*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Qayyim, Muhammad (1991). *I'lam al-Muaqqiin*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibnu Qudamah, Abdullah (1997). *Al-Mughni*, Beirut: Alam al-Kutub.
- Ibnu Qudamah, Abdullah (2002). *Raudatu al-Nadhir*, Beirut: Muassasatu Al-Rayyan.
- Al-Raysuni, Ahmad (1999). *a-Fikr al-Maqasidi*. Riyadh: al-Dar al-`Alamiyyah li al-Kitab al-Islami.



Al-Razi, Muhammad (1999). *Mukhtar al-Sihah*, Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah.

Al-Syafie, Ahmad (1999). *Al-Risalah*, Beirut: Dar al-Nafais.

Al-Syatibi, Ibrahim (2008). *Al-Muafaqat*, Beirut: Dar Ibnu Affan.

Al-Zamakhshari, Mahmud (1998). *Asas al-Balaghah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.